

A STUDY ON LECTURES OF HOUL CEREMONY AT MASJID KAMPUNG HULU, MELAKA

KAJIAN TERHADAP PENGISIAN CERAMAH SAMBUTAN HARI HOUL DI MASJID KAMPUNG HULU, MELAKA

Irwan Mohd Subri¹, Mohd Azhar Ibrahim Residi², Mohd Aizuddin Abdul Aziz³ & Abdullah Shahir Arifin Ahmad Fadzil⁴

¹ (*Corresponding author*). Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) & Prof. Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia. irwan@usim.edu.my

² Pensyarah, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia. azhar@usim.edu.my

³ Guru Bahasa, Pusat Pengajian Teras (PPT), Universiti Sains Islam Malaysia. aizuddin@usim.edu.my

⁴ Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia. syah.arifin@gmail.com

Article Progress

Received:

3rd February 2018

Revised:

12th February 2018

Accepted:

1st April 2018

Vol. 1. No. 1
April Issue
2018

Abstract

This article aims to analyze the content of Houl celebration lectures in Kampung Hulu Mosque, Malacca, which was held on 28 February 2015. This article used qualitative approach through non-structured observation to obtain the relevant data. The study found that there are some issues that arose in the series of lectures delivered in the program that need to be corrected or be authentically verified. Those issues are claim that prophet Muhammad was present in the houl ceremony, mistake in mentioning hadith as a verse of the Qur'an, a dream that used as an argument, ashab al-kahfi's dog turns into a young man in heaven and a story of Abu Hanifa kissing the foot of Jaafar al-Sadiq.

Keywords: *Houl, lecture, observation, mosque, Malacca.*

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pengisian ceramah sambutan hari Houl Di Masjid Kampung Hulu, Melaka yang diadakan pada 28 Februari 2015. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui pemerhatian tidak berstruktur untuk mendapatkan data-data berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa isu berbangkit hasil ceramah yang disampaikan dalam program tersebut yang perlu diperbetulkan atau dipastikan kesahihannya. Isu-isu tersebut adalah dakwaan nabi Muhammad SAW hadir dalam majlis houl, kesalahan menyebut hadis sebagai ayat al-Quran, mimpi yang dijadikan hujah, anjing ashab al-kahfi bertukar menjadi pemuda dalam syurga dan kisah Abu Hanifah mencium kaki Jaafar al-Sadiq.

Kata kunci: *Houl, ceramah, pemerhatian, masjid, Melaka.*

PENDAHULUAN

Di Malaysia terdapat satu majlis sambutan keagamaan yang dikenali

sebagai sambutan hari Houl. Houl menurut kamus dewan Bahasa dan Pustaka membawa maksud kenduri

arwah yang diadakan setahun sekali. Sambutan hari Houl kebiasaanya merupakan satu upacara yang disambut oleh golongan diraja. Sambutan hari Houl diraja di Malaysia ini hanya disambut oleh dua buah negeri sahaja iaitu negeri Pahang dan Johor.

Tarikh sambutan hari Houl bagi kedua-dua negeri ini berbeza antara satu sama lain. Pahang menyambut hari Houl pada 7 Mei setiap tahun, manakala Johor menyambut hari Houl pada 6 Safar setiap tahun mengikut kelendar hijri.

Golongan diraja ini akan menyambut hari Houl dengan menjemput golongan-golongan ulama dan para ilmunan bagi membaca tahlil, Yasin dan juga doa selamat untuk almarhum di hadapan makam mereka. Tujuan sambutan hari Houl adalah bagi memperingati dan mengenang jasa mereka, serta untuk memberi sedekah pahala kepada si mati.

Namun sambutan Houl ini tidak lagi menjadi upacara istana sahaja, malah turut disambut oleh masyarakat awam sempena memperingati tokoh-tokoh tertentu. Justeru, satu kajian perlu dibuat untuk melihat sejauh mana keadaan sebenar majlis sambutan hari Houl ini disambut dan hukum serta pandangan Islam terhadap sambutan hari Houl ini. Diharapkan agar kajian ini dapat menyelesaikan kekeliruan masyarakat tentang hukum menyambut Houl.

Latar Belakang Program

Sambutan majlis Houl telah diadakan pada 28 Februari 2015 di Masjid Kampung Hulu, Melaka. Ia diadakan sempena memperingati al-Habib Abdullah bin Abu Bakar al-Haddar,¹ Mufti Haji Khalil bin Haji Hussein² dan Tuan

Guru Ustaz Haji Ahmad bin Haji Abdul Wahab³.

Dalam majlis Houl tersebut, telah diadakan bacaan tahlil dan doa bermula selepas solat Asar untuk arwah-arwah kaum muslimin yang telah meninggal dunia, khususnya kepada *Ashab al-Houl*, iaitu: Habib Abdullah bin Abu Bakr al-Haddar, Mufti Haji Khalil bin Haji Hussein dan Tuan Guru Ustaz Haji Ahmad bin Haji Abdul Wahab.

Majlis Houl ini dihadiri kira-kira 5 ribu pengunjung, bermula usai solat Asar dan berakhir kira-kira hampir jam 11.00 malam. Majlis mengandungi bacaan-bacaan ratib, zikir, tahlil, bacaan manaqib serta ceramah oleh penceramah-penceramah yang diundang dari dalam dan luar negara.

Berikut adalah aturcara program sambutan Houl di Masjid Kampung Hulu pada 28 Februari 2015:

- Solat Asar berjemaah.
- Bacaan tahlil dan Ratib al-Attas.
- Bacaan Maulid al-Daybasiyy.
- Ceramah 1 (Habib Ali Abd Rahman al-Habshi).
- Qasidah oleh Habib Mahmud al-Yamaniyy, Hadramaut.
- Ceramah 2 (Ust Ahmad bin Shahdan).
- Qasidah oleh Syeikh Nabil Saad, Indonesia.
- Qasidah oleh Habib Mahmud al-Yamaniyy, Hadramaut.
- Solat Maghrib berjemaah.
- Ucapan Pengerusi Majlis Sambutan Houl, Hj. Rahim Alimat.
- Bacaan Manaqib Al-Habib Abdullah bin Abu Bakr al-Haddar.
- Bacaan Manaqib Mufti Haji Khalil bin Haji Hussein oleh Hj Zamri Ahmad.

¹ Kubur beliau terdapat di masjid Kampung Hulu Melaka (Sumber: Buku Majlis Houl Habib Abdullah bin Abu Bakr al-Haddar, Mufti Haji Khalil bin Haji Hussein dan Tuan Guru Ustaz Haji Ahmad bin Haji Abdul Wahab).

² Mufti pertama Negeri Melaka. Beliau dilahirkan di Kampung Hulu Melaka pada 18 Mei 1886 dan meninggal dunia pada tahun 10 Jun 1960 (Sumber: Buku Majlis Houl Habib Abdullah bin Abu Bakr al-Haddar, Mufti Haji

Khalil bin Haji Hussein dan Tuan Guru Ustaz Haji Ahmad bin Haji Abdul Wahab).

³ Salah seorang anak murid Mufti Haji Khalil bin Haji Hussein. Beliau dilahirkan di Kampung Hulu Melaka pada 2 Mac 1939 dan meninggal dunia pada tahun 3 April 2014 (Sumber: Buku Majlis Houl Habib Abdullah bin Abu Bakr al-Haddar, Mufti Haji Khalil bin Haji Hussein dan Tuan Guru Ustaz Haji Ahmad bin Haji Abdul Wahab).

- Bacaan Manaqib Tuan Guru Haji Ahmad bin Abdul Wahab oleh imam Zakaria Khalil.
- Ceramah 3 (Ust Iqbal).
- Qasidah oleh Syeikh Yunus, Bogor, Indonesia.
- Ceramah 4 (Habib Naufal).
- Ceramah 5 (Habib Muhammad al-Habshi).
- Qasidah oleh Habib Mahmud al-Yamaniyy, Hadramaut.
- Ceramah 6 (Habib Umar al-Habshi).
- Ceramah 7 (Habib Soleh al-Idrus).
- Solat Isyak berjemaah.
- Jamuan.
- Bersurai.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi adalah amat penting dalam sesuatu kajian. Pemilihan metodologi kajian yang tepat serta perancangan yang teliti dapat melancarkan satu lagi proses penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Ia juga adalah tulang kepada mana-mana kajian. Kajian yang baik adalah yang diproses dan diperolehi melalui metodologi yang betul.

Sebaliknya kajian yang tidak bersandarkan kepada metodologi yang betul akan menghasilkan natijah yang salah. Justeru mana-mana kajian memerlukan kepada metodologi sebagai cara memperoleh dapatan. Metodologi yang digunakan pula memerlukan teknik yang bersistematik bagi menepati kehendak ilmiah, kaedah saintifik dan mempunyai kualiti.

Menurut Mohd Majid Konting (1990: 32), kaedah penyelidikan merujuk kepada cara mendapatkan maklumat untuk mencapai objektif sesuatu penyelidikan. Cara maklumat itu diperolehi perlulah dengan cara yang paling berkesan dan menggunakan penggunaan perbelanjaan yang paling ekonomik. Sesuai dengan penyelidikan yang dijalankan iaitu kajian sains sosial, metodologi penyelidikan yang digunakan adalah berbentuk kualitatif. Kualitatif berasal daripada perkataan '*quality*', ia adalah kaedah untuk menyelidiki fenomena 'apa', 'bagaimana', 'bila', 'di

mana' atau semua perkara yang tidak dapat diukur dengan nombor (Berg, 2004: 2).

Kajian Lapangan

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian lapangan, iaitu pengumpulan data melalui pemerhatian. Pemerhatian ialah salah satu cara untuk mengumpul data secara langsung, melalui keberadaan penyelidik dalam lapangan kajian, ia membenarkan penyelidik merasai sendiri tanpa perlu bergantung dengan responden (Fox, 1998: 1). Metodologi ini memberikan kelebihan yang sangat besar kepada penyelidik dalam menyelesaikan pertikaian tentang apa yang sebenarnya berlaku dan persepsi masyarakat tentang keadaan tersebut (Brickri, 2007: 22).

Earl Babbie (2011: 344) menyatakan bahawa pemerhatian adalah kelebihan terbesar bagi mana-mana kajian kualitatif, ini kerana perakam dan kamera tidak dapat menangkap semua aspek kajian yang relevan, ia memberikan kelebihan kepada penyelidik untuk menafsirkan kejadian, disebabkan keberadaan mereka dalam lapangan tersebut.

Kaedah pemerhatian telah dibuat terhadap acara program sambutan Houli pada 28 Februari 2015 di Masjid Kampung Hulu, Melaka. Kumpulan penyelidik membuat pemerhatian daripada awal program bermula iaitu sejurus selepas solat Asar dan berakhir lebih kurang jam sebelas malam.

Kumpulan penyelidik telah menulis nota pemerhatian dan merekodkan ceramah dengan perakam suara semasa program sedang berjalan seperti yang disarankan oleh Earl Babbie (2011: 345). Pemerhatian merangkumi insiden-insiden penting yang berkaitan dengan penyelidikan. Beberapa isu berbangkit akan disentuh dalam dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Salah satu aktiviti yang terdapat dalam sambutan Majlis Houli Masjid Kampung Hulu, Melaka pada 28 Februari 2015 ialah ceramah oleh beberapa orang penceramah jemputan dari dalam dan

luar negara.

Senarai penceramah yang mengisi slot dalam program tersebut pada petang dan malam adalah seperti berikut (mengikut turutan):

- i. Ceramah 1: Habib Ali Abd Rahman al-Habshi (dari Indonesia).
- ii. Ceramah 2: Ustaz Ahmad bin Shahdan (dari Malaysia).
- iii. Ceramah 3: Ustaz Iqbal bin Zain (dari Malaysia).
- iv. Ceramah 4: Habib al-Qaf (dari Indonesia).
- v. Ceramah 5: Habib Hamid (dari Indonesia).
- vi. Ceramah 6: Habib Umar al-Habshi (dari Indonesia).
- vii. Ceramah 7: Habib Soleh bin Ahmad al-Idrus (dari Indonesia).

Isu-Isu Berbangkit

Hasil daripada pemerhatian dan penelitian penyelidikan, terdapat beberapa isu berbangkit dalam majlis Houli di Kampung Hulu, Melaka dari segi pengisian ceramah yang disampaikan oleh penceramah-penceramah jemputan. Berikut adalah isu-isu tersebut:

Kesilapan Menyatakan Hadis Sebagai Ayat Al-Quran

Dalam ceramah yang pertama oleh Habib Ali Abd Rahman al-Habsyi, beliau ada menyatakan bahawa terdapat ayat al-Quran yang menyatakan tentang musibah kematian seorang alim. "Ayat al-Quran" yang dinyatakan beliau ialah:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ
وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ﴾

Maksudnya, "Allah tidak mengangkat ilmu dengan dicabut begitu sahaja daripada hamba-hambanya, tetapi Allah mengangkat ilmu dengan kematian para ulama".

Dakwaan Bahawa Nabi Hadir Dalam Majlis Houli

Habib Soleh bin Ahmad al-Idrus yang mengisi slot terakhir dalam Majlis Houli telah mendakwa bahawa Nabi SAW telah hadir dan memerhatikan hadirin dengan katanya: "Saidina Muhammad SAW

berada bersama kita".

Dakwaan Tentang Anjing Ashabul Kahfi

Ustaz Iqbal dalam ceramahnya mendakwa bahawa anjing Ashabul Kahfi yang bernama Qitmir akan dibangkitkan kelak di hari akhirat sebagai seorang pemuda, lalu dimasukkan ke dalam syurga. Katanya:

"Seekor anjing, seekor binatang yang dipandang hina di mata masyarakat namun hanya kerana dia mengikuti pemuda-pemuda yang ingin menyelamatkan imannya, dan anjing itu bersama dengan orang-orang soleh, maka Nabi Muhammad SAW menceritakan bahawa anjing Ashabul Kahfi yang bernama Qitmir itu, dia akan dibangkitkan pada hari akhirat menjadi seorang pemuda, dan dimasukkan ke dalam syurga".

Isu Mimpi

Ustaz Iqbal dalam ceramahnya mendakwa bahawa Raja Kechil Besar telah diislamkan oleh Rasulullah SAW dalam mimpinya.

Dalam ceramah yang lain, Ustaz Zamri ketika membaca manaqib Tuan Guru Haji Ahmad menceritakan:

"Menjadi kebiasaan setiap minggu saya dan beberapa jemaah yang lain untuk menziarahi makam Tuan Guru. Dan beberapa minggu yang lalu, penyelidik terlambat sampai di makam dan Tuan Haji Yahya telah sampai dahulu. Beliau menceritakan tentang satu keluarga dari Banting, yang mana mereka tidak pernah langsung bertemu dengan allahyarham Tuan Guru semasa beliau masih hidup. Tuan Haji Yahya bertanya khabar dan mereka mengenalkan diri, mereka memberitahu bahawa mereka bertemu dengan Tuan Guru dalam mimpi. Pada suatu malam Tuan Guru datang berjumpa dengannya dan mengajaknya ke suatu kubur, sampai ke kuburnya, allahyarham Ustaz terus baring di atasnya. Kemudian datang tiga orang lelaki berjubah dengan wajah berseri-seri, dan mengajak beliau pergi ke makam Mufti Haji Khalil, dan mengatakan: "Ini adalah makam orang

yang alim dalam agama”, kemudian lelaki tersebut mengarahkan dia menghadapkan muka ke makam al-Habib dan mengatakan: “Makam orang ini pula sangat mencintai Rasulullah SAW sehingga cahaya dari makamnya naik terus ke langit”. Sebelum pergi, Allahyarham Ustaz berpesan kepada beliau supaya banyak berselawat kepada Rasulullah SAW. Apabila beliau tersedar dari mimpi, beliau bertanya-tanya makam siapakah itu? Seinggalah dua hari selepas itu beliau pergi ke rumah abang ipar beliau di Kuala Lumpur, tiba-tiba beliau ternampak keratan akhbar kisah tentang Tuan Guru Haji Ahmad. Selepas menyelidiki dengan lebih lanjut, beliau terus membawa keluarganya mencari makam Tuan Guru di Melaka ini”.

Imam Abu Hanifah Mencium Kaki Jaafar al-Sadiq

Habib Naufal ada menceritakan tentang Abu Hanifah yang berjumpa dengan Jaafar al-Sadiq dan mencium kakinya untuk menunjukkan tentang kemuliaan *ahl al-bayt* (keluarga nabi SAW).

PERBINCANGAN DAN ULASAN

Berikut adalah ulasan terhadap lima isu yang berbangkit dalam ceramah-ceramah yang disampaikan ketika sambutan Hari Houli, Masjid Kg. Hulu, Melaka pada 28 Februari 2015.

Kesilapan Menyatakan Hadis Sebagai Ayat Al-Quran

“Ayat” yang disebutkan oleh Habib Ali Abd Rahman al-Habsyi itu bukanlah daripada al-Quran, sebaliknya ia merupakan teks hadis yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhariyy (hadis no. 100, *Bab Kayfa Yuqbad al-‘Ilm*). Walaupun berlaku kesilapan, namun penyelidik percaya kesilapan ini adalah kesilapan biasa yang tidak disengajakan. Sebahagian penceramah kadang-kadang tertukar antara ayat al-Quran dan hadis kerana tersasul.

Dakwaan Nabi Hadir Dalam Majlis Houli

Hukum mendakwa kehadiran Nabi SAW dalam majlis-majlis tertentu telah

diperbincangkan oleh ulama-ulama terdahulu dan semasa, dan mereka terbahagi kepada dua aliran. Antara yang menyanggah dakwaan sedemikian adalah al-Laknawiyy (1886: 46), katanya: Yang bermaksud, “Antara kisah-kisah yang direka-reka, apa yang mereka sebut bahawa ketika mana dibaca Maulid, Nabi SAW menghadiri majlis peringatan kelahirannya. Disebabkan itu mereka berdiri ketika membaca Maulid sebagai suatu bentuk penghormatan dan memuliakan (kehadiran Nabi SAW). Ini adalah sebahagian daripada kisah-kisah batil yang tidak sabit dengan dalil, hanya (berpanduan) kepada sangkaan-sangkaan yang melampaui batas dalil”.

Begitu juga fatwa yang dikeluarkan oleh Lajnah Penyelidikan dan Fatwa Arab Saudi yang dipengerusikan oleh al-Marhum Syeikh Abdul Aziz bin Baz menyatakan bahawa dakwaan tersebut tidak berasas, bahkan ia satu pembohongan:

“Dan dakwaan mereka bahawa Nabi SAW menghadiri majlis mereka, ia adalah pembohongan. Nabi SAW di kuburnya hidup dengan kehidupan secara barzakh; menikmati nikmat syurga, bukannya kehidupan seperti di dunia, ini kerana sesungguhnya baginda telah wafat, dimandikan, dikafankan, disolatkan jenazahnya serta telah dikafankan seperti orang lain”

(<http://www.alifta.com/Search/ResultDetails.aspx?language=ar&lang=ar&view=result&fatwaNum=&FatwaNumID=&ID=783&searchScope=3&SearchScopeLevels1=&SearchScopeLevels2=&highlight=1&SearchType=EXACT&SearchMoesar=&bookID=&LeftVal=0&RightVal=0&simple=&SearchCriteria=Allwords&PagePath=&siteSection=1&searchkeyword=032216167217132217133217136217132239191189#firstKeyWordFound>).

Di sudut yang bertentangan, terdapat ulama-ulama yang menyokong tentang kehadiran roh dalam majlis zikir atau Maulid, antaranya ialah Sayyid ‘Alawiyy al-Malikiyy (2010: 41) yang menyatakan dengan jelas:

“Memang benar kami beiktikad bahawa nabi saw hidup di alam barzakh secara sempurna dan layak dengan maqamnya.

Daripada keadaan kehidupannya yang sempurna dan kedudukannya yang tinggi itu, maka ruhnyanya sentiasa berlegar-legar di malakut Allah dan membolehkan dia hadir dalam majlis-majlis kebaikan, cahaya dan ilmu. Demikian juga ruh-ruh orang mukmin yang suci daripada kalangan pengikut baginda. Imam Malik berkata: "Telah sampai kepada saya bahawa ruh (yang dikurniakan nikmat) itu dilepaskan (bebas) dan boleh pergi ke mana sahaja yang ia kehendaki". Salman al-Farisiyy menyatakan: "Roh-roh orang mukmin berada di barzakh daripada bumi, ia pergi ke mana-mana yang dia suka".

Pandangan ini diperkukuhkan oleh Ustaz Muhadir bin Haji Joll (<https://www.youtube.com/watch?v=qor8Z1QgfKY>) yang menyatakan tentang kemungkinan kehadiran Nabi SAW serta para awliya' dalam majlis kebaikan.

Penyelidik berpandangan bahawa kehadiran Nabi SAW termasuk dalam perkara ghaib yang memerlukan kepada dalil yang sahih dan jelas. Penyelidik juga tidak berjumpa dengan riwayat yang disandarkan kepada imam Malik dalam semua karangannya, bahawa roh boleh pergi ke mana-mana sahaja.

Begitu juga kata-kata Salman al-Farisiyy bahawa roh duduk di barzakh. Kata-kata beliau ditafsirkan oleh Ibn al-Qayyim (t.th: 108):

"Ada pun kata-kata bahawa roh-roh orang mukmin berada di barzakh daripada bumi, ia pergi ke mana-mana yang dia suka, (kata-kata ini) diriwayatkan daripada Salman al-Farisiyy. 'Barzakh' merupakan pemisah antara dua benda, seolah-olah Salman memaksudkan bahawa (roh-roh) berada di bumi antara dunia dan akhirat, dilepaskan untuk pergi ke mana-mana yang disukai. Ini adalah pendapat yang kuat. Sesungguhnya roh-roh telah berpisah daripada dunia namun belum masuk ke akhirat, bahkan ia berada di barzakh di antara keduanya. Maka roh-roh orang mukmin berada di barzakh yang luas; padanya haruman dan nikmat, ada pun roh-roh orang kafir berada di barzakh yang sempit; padanya keluhan-

kesah dan siksaan. Allah SWT berfirman: "Sedang di hadapan mereka barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (kiamat)". Barzakh di sini ialah antara dunia dan akhirat, asal penggunaannya merujuk kepada pemisah di antara dua benda".

Oleh itu penyelidik berpendapat bahawa kata-kata Salman al-Farisiyy RA tidaklah sama sekali menyokong bahawa roh orang yang telah meninggal dunia boleh berlegar-legar pergi ke majlis-majlis zikir atau maulid, namun apa yang dimaksudkannya ialah roh-roh orang yang telah meninggal dunia berlegar-legar di sekeliling barzakh.

Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat sebarang dakwaan pada perkara ghaib tanpa sandaran yang kukuh sepatutnya dihindarkan supaya tidak menimbulkan fitnah dan kekeliruan. Lebih-lebih lagi ia bertentangan dengan Garis Panduan Mengadakan Majlis Maulid, Selawat, Hawl, Zikir Atau Seumpama Dengannya. 2014 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ia menyatakan:

"Tidak boleh mendakwa bahawa majlis yang dianjurkan turut dihadiri sama oleh Rasulullah SAW, para sahabat mahupun para wali yang tertentu" (GPJ 2014, m.s. 8).

Dakwaan Tentang Anjing Ashabul Kahfi

Terdapat riwayat yang mengatakan bahawa anjing Ashabul Kahfi yang bernama *Qitmir* (Muqatil, 2002: 2/606), dan ada juga disebutkan bahawa ia akan dimasukkan ke dalam syurga selain daripada Kibasy Nabi Isma'il AS, unta Nabi Soleh AS, keldai 'Uzayr, dan buraq Nabi SAW (Ibn Nujaym, 1999: 382).

Namun penyelidik tidak menemukan sebarang sandaran yang sahih terhadap kisah anjing tersebut yang akan dimasukkan oleh Allah SWT ke dalam syurga, kisahnya hanya disebutkan oleh Ibn Nujaym sebagai contoh, tanpa mendatangkan sebarang sandaran dalil.

Dari sudut yang lain, kisah tersebut bertentangan dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Naba', ayat 40:

Maksudnya, *"Sesungguhnya (dengan keterangan-keterangan yang tersebut), Kami memberi amaran kepada kamu mengenai azab yang dekat (masa datangnya), iaitu hari seorang melihat apa yang telah diusahakannya, dan orang yang kafir akan berkata (pada hari itu) "Alangkah baiknya kalau aku menjadi tanah (supaya aku tidak dibangkitkan untuk dihitung amalku dan menerima balasan)"*.

Imam al-Tabariyy (2000: 24/180) ketika menafsirkan ayat ini membawakan riwayat daripada Abu Hurayrah RA:

Maksudnya, *"Sesungguhnya Allah akan mengumpul seluruh makhluknya; semua binatang, burung dan manusia. Dia berfirman kepada binatang-binatang dan burung-burung: "Jadilah kamu semua tanah", ketika itu orang kafir mengeluh: "Alangkah baiknya kalau aku dijadikan tanah"*.

Pendapat ini dikuatkan oleh Ibn Kathir (1999: 8/311):

"(Mereka) berharap yang sedemikian ketika mana Allah menghukum antara haiwan-haiwan (oleh kesalahan mereka) di dunia, diputuskan antara mereka dengan hukumnya yang adil dan tidak menzalimi (sesiapa). Ketika selesai proses hukuman antara binatang-binatang, Dia berfirman kepada mereka: "Jadilah kamu semua sekali tanah", maka jadilah binatang-binatang tersebut tanah. Ketika itu orang kafir berkata: "Alangkah baiknya kalau aku menjadi tanah", iaitu menjadi haiwan (sewaktu di dunia) lalu kembali menjadi tanah (di akhirat)".

Penyelidik berpendapat hal binatang masuk syurga tidak mempunyai dalil sahih yang menyokong (bahkan ia bertentangan dengan al-Quran), lebih-lebih lagi anjing yang masuk ke dalam syurga dalam rupa dan bentuk seorang pemuda. Ustaz Iqbal ketika ditanya penyelidik, beliau menyatakan bahawa ia cuma hanya takwilan, ini kerana syurga merupakan tempat suci yang tidak akan dimasuki oleh benda yang kotor.

Memandangkan syurga dan neraka adalah sebahagian daripada perkara ghaib, maka mendakwa sebarang perkara-perkara ghaib berkaitan syurga dan neraka tanpa dalil yang sahih dan jelas adalah tidak wajar.

Isu Mimpi

Dakwaan ini perlu diperhalusi daripada beberapa sudut:

- i. Seorang yang sedang tidur berada dalam keadaan tidak sedar, oleh itu dia tidak mukallaf dan segala amalannya tidak boleh diambil kira.
- ii. Dakwaan ini menyalahi ketetapan yang dikeluarkan oleh JAKIM, iaitu: *"Tidak menyebarkan kisah-kisah yang didakwa yaqazah atau mimpi berjumpa dengan Rasulullah SAW, atau kisah-kisah mimpi lain yang boleh menimbulkan fitnah"* (GPJ 2014, m.s. 7, cerai i).

Penyelidik berpendapat kisah-kisah seperti ini wajar dielakkan kerana kesahihan maklumat (mimpi) yang boleh dipertikaikan, tambahan pula ia bertentangan dengan GPJ 2014 yang telah disediakan oleh JAKIM. Tambahan pula mimpi bukanlah sebahagian daripada sumber hukum yang boleh digunakan sebagai asas kepada apa-apa dakwaan, sekali pun bermimpi berjumpa dengan Nabi SAW.

al-Mahallawiiy (2010: 334) menegaskan bahawa mimpi tidak boleh menjadi asas kepada hukum syarak, kerana syariat telah sempurna sepertimana yang disebut jelas oleh Allah SWT dalam al-Quran:

Maksudnya, *"Pada hari ini aku sempurnakan bagi kamu agama kamu, aku sempurnakan ke atas kamu nikmatku, dan aku reda Islam sebagai agama bagi kamu"* (al-Quran. al-Ma'idah: 3).

Imam Abu Hanifah Mencium Kaki Jaafar al-Sadiq

Abu Hanifah dan Jaafar al-Sadiq hidup sezaman, mereka berdua lahir pada tahun yang sama iaitu 80H dan Abu Hanifah meninggal pada 150H

sedangkan Jaafar al-Sadiq pada 148H, terdapat banyak riwayat Imam Abu Hanifah berguru dengan Jaafar al-Sadiq (al-Zarkaliyy, 2002: 2/126).

Namun kisah tentang Abu Hanifah mencium kaki Jaafar al-Sadiq, setakat pembacaan, penyelidik tidak menemui sandaran terhadap kisah tersebut. Rentetan daripada kisah ini, beberapa perbahasan mesti diteliti iaitu: adakah boleh memuliakan mana-mana orang khususnya para ulama dengan mencium mana-mana anggotanya?

Dalam Sunnah, kita mendapati terdapat beberapa kisah tentang bentuk pemuliaan sahabat terhadap Rasulullah SAW, seperti yang diriwayatkan Abu Dawud (T.th: 3/46) dalam hadis yang berikut:

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada 'Abd al-Rahman bin Abi Layla, bahawa 'Abdullah bin 'Umar menceritakan: bahawa beliau dahulu dalam satu pasukan daripada pasukan-pasukan tentera utusan Rasulullah SAW. Lalu orang ramai telah berpusing satu pusingan (untuk lari) dan aku berada dalam orang-orang yang berpusing. Maka apabila kami telah sedar semula, kami pun berkata: "Bagaimana kita akan buat, walhal kita telah lari daripada pertempuran dan kita pulang dengan kemurkaan". Lalu kami pun berpendapat untuk memasuki Madinah, lalu kami memeriksa padanya dan kami pergi dalam keadaan tidak melihat kami sesiapa pun. Beliau berkata: "Maka kami pun masuk, lalu kami berkata: Kalaulah kita hadapkan diri kita kepada Rasulullah SAW, jika ada taubat untuk kita, maka kita tinggal, dan jika lain daripada itu, maka kita pergi". Beliau berkata: lalu kami pun duduk untuk (berjumpa) Rasulullah SAW sebelum solat Fajar. Maka apabila Baginda keluar, kami pun bangun kepada Baginda, lantas kami berkata: "Kami adalah orang-orang yang lari, hadaplah kepada kami", lalu Baginda bersabda: "Bahkan kalian adalah orang-orang yang beralih (untuk berperang semula). Beliau berkata: lalu kami mendekati dan kami cium tangan Baginda. Maka Baginda bersabda: "Kita adalah kumpulan orang-orang Islam".

Dalam tajuk yang sama, Al-Turmudhiyy (1975: 5/305) meriwayatkan kisah bagaimana dua orang yahudi mencium tangan dan kaki Nabi SAW:

Maksudnya, "Daripada Safwan bin 'Assal, bahawa dua orang Yahudi, telah berkata salah seorang daripada mereka kepada temannya: "Marilah kita pergi kepada nabi ini dan kita menanyakannya". Lalu dia berkata: "Jangan engkau katakan 'nabi', sesungguhnya jika dia mendengarnya; engkau mengatakan 'nabi' menjadi untuknya empat mata (yakni dia akan bergembira)". Lalu mereka berdua datang kepada Nabi SAW lantas mereka berdua menanyakan Baginda mengenai firman-Nya Azza wa Jalla: "Demi sesungguhnya Kami telah berikan Musa sembilan tanda-tanda yang nyata" al-Isra': 101". Maka bersabda Rasulullah SAW: "Jangan kalian menyekutukan dengan Allah sesuatu pun, jangan kalian berzina, jangan kalian membunuh nyawa yang yang diharamkan oleh Allah melainkan dengan hak, jangan kalian mencuri, jangan kalian melakukan sihir, jangan kalian berjalan dengan seorang yang tidak bersalah kepada penguasa lalu dia membunuhnya, jangan kalian memakan riba, jangan kalian qazaf seorang wanita yang suci, jangan kalian lari daripada pertempuran -telah syak Shu'bah: dan khas ke atas kalian wahai bangsa Yahudi- janganlah kalian melampau pada hari Sabtu". Lalu mereka berdua telah mencium dua tangan dan dua kaki Baginda lalu berkata: "Kami menyaksikan bahawa engkau adalah seorang nabi". Baginda bersabda: "Maka apakah yang menghalang kalian berdua untuk masuk Islam", Mereka berdua berkata: "Sesungguhnya Daud telah berdoa kepada Allah agar berterusan pada zuriatnya ada nabi dan kami bimbang jika kami masuk Islam bahawa Yahudi akan membunuh kami".

Demikian adalah hadis-hadis yang menunjukkan rasa sayang, kasih serta penghormatan terhadap Nabi SAW dizahirkan melalui ciuman terhadap kaki dan tangan Baginda SAW, bahkan perbuatan seperti ini diamalkan juga oleh para sahabat. al-Bukhariyy (1998:

543) meriwayatkan tentang beberapa kisah bagaimana sebahagian sahabat memuliakan sebahagian sahabat yang lain dengan mencium tangan, bahkan kaki. Beliau meriwayatkan daripada Wazi^c bin Amir RA:

Maksudnya, *"Kami tiba, dan dikatakan itu ialah Rasulullah SAW, maka kami ambil kedua tangan dan kaki Baginda, lalu kami cium"*.

Dalam riwayat yang berikutnya, al-Bukhariyy (1998: 543) meriwayatkan satu athar daripada Suhayb Mawla al-^cAbbas:

Maksudnya, *"Daripada Suhaib, beliau berkata: aku melihat Ali R.A. mencium tangan dan kedua kakinya"*.

Menurut sebahagian sarjana di Malaysia seperti Prof. Madya Dr. Asri Zainal Abidin (<https://www.youtube.com/watch?v=bFC1IRfII4c>) dan Dr. Zaharuddin Abd Rahman (<https://www.youtube.com/watch?v=36GyyZRdBaE>), perbuatan mencium kaki adalah sebahagian daripada sikap melampau yang ditegah oleh Islam.

Menurut Dr. Zaharuddin Abd Rahman, hukum ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Al-Turmudhiyy bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya, *"Jika aku boleh perintahkan seorang sujud kepada seorang yang lain, pasti aku perintahkan seorang isteri sujud kepada suaminya"*.

Penyelidik berpendapat bahawa hukum memuliakan orang daripada kalangan alim ulama termasuk dalam perkara yang digalakkan. Terdapat riwayat tentang perbuatan mencium kaki seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhariyy dalam *al-Adab al-Mufrad*. Walau bagaimana pun, penyelidik berpendapat perbuatan tersebut wajar dielakkan di Malaysia, kerana uruf di Malaysia menganggap perbuatan sedemikian tidak dikira baik.

Ada pun dalil yang digunakan oleh Dr. Zaharuddin Abd Rahman yang mengharamkan secara mutlak berdasarkan kepada hadis Al-Turmudhiyy, penyelidik berpendapat penggunaan hadis tersebut tidak tepat

kerana ia berkaitan hukum sujud kepada manusia, bukannya mencium kaki. Al-Mubarakfuriyy (t.th.: 272) dalam syarahnya terhadap hadis tersebut menyatakan:

"Sabda Baginda "Pasti akan aku perintahkan wanita untuk sujud kepada suaminya" yakni kerana banyaknya hak-hak suami yang mesti ditunaikan oleh isteri dan lemahnya isteri untuk melaksanakan serta menghargainya. Ini menunjukkan galakan yang bersangatan bagi isteri untuk melaksanakan hak suaminya, kerana sujud tidak dibenarkan kepada selain Allah".

Walaupun bagaimanapun, dalam sambutan Haul di Masjid Kampung Hulu, Melaka, tidak berlaku perbuatan mencium kaki kepada mana-mana Habaib yang dijemput. Penyelidik menyentuh isu ini sebagai memperhalusi kisah Abu Hanifah dan Jaafar al-Sadiq yang disebut oleh Habib Naufal dalam ceramahnya.

PENUTUP

Melalui pemerhatian yang dijalankan terhadap ceramah-ceramah yang disampaikan dalam majlis sambutan Hari Haul di Masjid Kampung Hulu, Melaka, penyelidik mendapati terdapat beberapa pengisian ceramah mempunyai unsur-unsur yang boleh mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat umum. Justeru, penyelidik membuat pengesyoran kepada penceramah-penceramah majlis Haul pada masa akan datang seperti berikut:

- i. Memastikan kesahihan maklumat yang akan disampaikan.
- ii. Tidak menyampaikan kefahaman yang boleh mengelirukan masyarakat awam.
- iii. Penceramah luar negara mesti meraikan uruf masyarakat tempatan dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama tempatan.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Mufti Melaka yang telah membiayai penyelidikan pantas ini.

Penyelidikan pantas ini bertajuk "Hukum Sambutan Hari Hawl Menurut Perspektif Syarak: Kajian Di Masjid Kampung Hulu, Melaka" tahun 2015. Hasil kajian telah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka pada 30 April 2015.

BIBLIOGRAFI

- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath. T.th. *Sunan Abi Dawud*. Beirut: al-Maktabat al-'Asriyyah.
- Bruce L. Berg. 2004. *Qualitative Research Methods*. United States of America: Pearson.
- Al-Bukhariyy, Muhammad bin Isma'il. 1998. *Al-Adab al-Mufrad*. Riyad: Maktabat al-Ma'arif.
- Buku Majlis Houli Habib Abdullah bin Abu Bakr al-Haddar, Mufti Haji Khalil bin Haji Hussein dan Tuan Guru Ustaz Haji Ahmad bin Haji Abdul Wahab. 2005. Pertubuhan Kebajikan Adda'watul Islamiyyah Melaka.
- Earl Babbie. 2011. *The Basic Of Social Research*. Wadsworth: Cengage Learning.
- Garis Panduan Mengadakan Majlis Maulid, Selawat, Hawl, Zikir Atau Seumpama Dengannya. 2014. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakr. T.th. *Al-Ruh*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar. 1999. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Dar al-Taybah.
- Ibn Nujaym, Zayn al-'Abidin bin Ibrahim. 1999. *Al-Ashbah Wa al-Naza'ir 'Ala Madhhab Abi Hanifah al-Nu'man*. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Laknawiyy, Muhammad 'Abd al-Hayy bin Muhammad 'Abd al-Halim. 1886. *Al-Athar al-Marfu'ah fi al-Akhbar al-Mawdu'ah*. Baghdad: Maktabat al-Sharq.
- Al-Mahallawiyy, Muhammad bin 'Abd al-Rahman. 2010. *Tashil al-Wusul*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Malikiyy, Sayyid Muhammad bin 'Alawiyy. 2010. *Hawl al-Ikhtifal Bi Dhikr al-Mawlid al-Nabawiyy al-Sharif*. Beirut: Maktabat al-

'Asriyyah.

- Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Methods in Educational Research)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Mubarakfuriyy. T.th. *Tuhfat al-Ahwaziyy*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muqatil bin Sulayman. 2002. *Tafsir Muqatil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Nick Brickri. 2007. *A Guide To Using Qualitative Research Methodology*. Geneva: Medecins Sans Frontieres.
- Nick Fox. 1998. *How To Use Observations In A Research Project*. Sheffield: Northern General Hospital.
- Al-Tabariyy Muhammad bin Jarir. 2000. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Turmudhiyy, Muhammad bin 'Isa. 1975. *Sunan Al-Turmudhiyy*. Mesir: Matba'at al-Halabiyy.
- Al-Zarkaliyy, Khayr al-Din bin Mahmud. 2002. *al-A'lam*. Dar al-Kutub Li al-Malayin.

Internet

- Bolehkah cium kaki orang 'alim?. <https://www.youtube.com/watch?v=bFC1IRfII4c> (diakses pada 20 Mac 2015).
- Dakwaan Ustaz Muhadir bin Haji Joll bahawa Nabi SAW hadir di Majlis Maulid & Majlis Qasidah. <https://www.youtube.com/watch?v=qor8Z1QgfKY> (diakses pada 20 Mac 2015).
- Lajnah Fatwa Arab Saudi: <http://www.alifta.com/Search/ResultDetails.aspx?language=ar&lang=ar&view=result&fatwaNum=&FatwaNumID=&ID=783&searchScope=3&SearchScopeLevels1=&SearchScopeLevels2=&highlight=1&SearchType=EXACT&SearchMoesar=&bookID=&LeftVal=0&RightVal=0&simple=&SearchCriteria=Allwords&PagePath=&siteSection=1&searchkeyword=032216167217132217133217136217132239191189#firstKeywordFound> (diakses pada 20 Mac 2015).

Ustaz Dr Zaharuddin: Bolehkah Mencium
Tangan Guru?.
<https://www.youtube.com/watch?v=36GyyZRdBaE> (diakses pada 20
Mac 2015).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh/timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.